



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

NOTIS MAKLUMAN

PENGUNAAN SISTEM TEMUJANJI BAGI URUSAN PERMOHONAN KUOTA PENGGAJIAN PEKERJA ASING SECARA *CASE BY CASE* TAHUN 2025 DALAM TEMPOH KHAS

1. Dimaklumkan bahawa penerimaan dan semakan dokumen bagi permohonan kuota pengajian pekerja asing secara *case by case* **tahun 2025** yang dibuka dalam tempoh khas bermula **19 Januari 2026** sehingga **31 Mac 2026** akan menggunakan sistem temujanji yang boleh dilayari bermula 16 Januari 2026 di pautan berikut: <https://que05-my.qbe.ee/KDN-OSC>
2. Permohonan dalam tempoh khas ini adalah untuk urusan penerimaan dan semakan dokumen bagi sektor dan subsektor yang dibenarkan pengajian pekerja asing secara *case by case* tahun 2025 seperti di **Lampiran**.
3. Sebarang pertanyaan boleh diajukan ke e-mel osc_kdn@moha.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**PUSAT SEHENTI PENGURUSAN PEKERJA ASING
BAHAGIAN HAL EHWAL IMIGRESEN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

16 JANUARI 2026

**SEKTOR DAN SUBSEKTOR YANG DIBENARKAN PENGGAJIAN
PEKERJA ASING SECARA CASE BY CASE TAHUN 2025**

BIL.	SEKTOR	SUB SEKTOR/ KATEGORI MAJIKAN YANG DIBENARKAN
1.	Perkhidmatan	Borong Runcit (Semua Jawatan)
		Pembersihan dan Pencucian (Semua Jawatan)
		Gudang Darat (Semua Jawatan)
		Pengawal Keselamatan (Semua Jawatan)
		Barang Logam dan Lusuh (Premis Berlesen sahaja)
		Restoran (Baharu dan Penggantian)
		Dobi (Industri dan komersial)
		Pengendalian Kargo (Penggantian)
2.	Pertanian	Perikanan Akuakultur (Semua Jawatan)
		Ternakan (Semua Jawatan)
		Tanaman (Semua Jawatan)
3.	Perladangan	Semua Jenis Tanaman (Semua Jawatan)
4.	Pembinaan	Projek-Projek Berkepentingan Kerajaan
5.	Perkilangan	Kilang Sedia Ada (Penggantian)
		Pelaburan baharu di bawah MIDA
6.	Perlombongan dan Pengkuarian	Mineral dan Bahan Batuan (Semua Jawatan)

MAKLUMAT TAMBAHAN:

1) PERMOHONAN PENGgantian

- a) Tarikh *Check Out Memo* (COM) yang dibenarkan:

SEKTOR	TARIKH COM
Perkhidmatan Restoran	Tahun 2024 sehingga terkini
Perkhidmatan Kargo	Tahun 2021 sehingga terkini
Perkilangan	Tahun 2024 sehingga terkini

- b) Majikan wajib mengemukakan **salinan COM** berserta **Surat Pengesahan Pekerja Asing Keluar** daripada Bahagian Pekerja Asing, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Ibu Pejabat atau JIM Negeri.
- c) Permohonan penggantian tertakluk kepada syarat minimum penggajian pekerja asing yang telah ditetapkan AKS.

2) SEKTOR PEMBINAAN

- a) Dibenarkan bagi projek-projek kerajaan / berkepentingan kerajaan sahaja; dan
- b) dibuka kepada kontraktor utama atau *nominated sub contractor* (NSC) yang disahkan melalui **surat pengesahan** daripada kementerian/kerajaan negeri/agensi berkaitan.


3) SEKTOR PERKILANGAN

- a) Definisi **Pelaburan Baharu MIDA** adalah syarikat-syarikat yang telah diluluskan Lesen Pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 selepas daripada tarikh **1 Januari 2023**.
- b) Pemohon perlu mengemukakan bersama **Surat Kelulusan Interim** daripada pihak MIDA semasa sesi temuduga.
- c) Kelulusan Lesen Pengilang tersebut adalah bagi **pelaburan baharu di bawah kategori projek-projek** berikut:
- Projek Baharu;
 - Projek Pembesaran; atau
 - Projek Pelbagaian.



PUSAT SEHENTI PENGURUSAN PEKERJA ASING
ARAS 5, SETIA PERKASA 9,
KOMPLEKS SETIA PERKASA, PUSAT PENTADBIRAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62546 PUTRAJAYA

Syarat kelayakan dan kriteria permohonan, senarai semak serta borang permohonan kuota penggajian pekerja asing yang terkini boleh didapati dan dimuat turun di portal KDN www.moha.gov.my di pautan Hal Ehwal Imigresen atau dengan mengimbas kod QR di bawah:



**SENARAI SEMAK & BORANG PERMOHONAN
KUOTA (OSC KDN)**